# METODOLOGI PENDALILAN MENURUT MAZHAB SHAFI'I

***Khairul Azmi bin Ismail***
*(B. A. HonS Usuluddin Al Azhar)*

# Isi Kandungan

01

## Pendahuluan

Maklumat Asas

02

## Sumber Hujah (Dalil-dalil)

1. *Al Quran,*
2. *Assunnah ,*
3. *Al Ijma' ,*
4. *Al Qias,*
5. *Al Istishab,*
6. *Al Akhz Bi Aqall Ma Qiil,*
7. *Al Istiqra'*

03

## Metodologi Pendalilan

Pemahaman dari sudut:

1. Kepelbagaian Teks,
2. Kejelasan dan Kesamarannya,
3. Perkhabaran atau Pengarahan,
4. Kesyumulan atau Pengkhususan

# 1

## Pendahuluan






# Pendahuluan

## Masalah zaman ini

Masyarakat sering mempersoalkan dalil suatu hukum tanpa mengetahui maksudnya

## Objektif

Menerangkan maksud dalil dan metodologi pendalilannya



# 2

## Sumber Hujah (Dalil-dalil)

# DALIL-DALIL YANG MENJADI HUJAH DI DALAM MAZHAB SHAFI’I (I)

- AL QURAN القرءان
- ASSUNNAH السنة
- AL IJMA’ الاجماع = kesepakatan ulama
- AL QIAS القياس

  Persamaan **hukum dalam bukan nas = hukum dalam nas** disebabkan **‘illah’ yang sama**

# DALIL-DALIL YANG MENJADI HUJAH DI DALAM MAZHAB SHAFI’I (I)

- AL ISTISHAB الاستصحاب
- AL AKHZ BI AQALL MA QIIL. الأخذ بأقل ما قيل
- AL ISTIQRA’ الاستقراء

# 3

## Metodologi Pendalilan

# PEMAHAMAN DARI KEPELBAGAIAN ‘LAFAZ’ (TEKS)

## 1. Hakikat حقيقة dan majaz مجاز

- lafaz digunakan dengan **maksud sebenar**
- ‘al yad’ (اليد) apabila ia diertikan maksud tangan
- Contoh ayat فاقطعوا أيديهما memerintahkan supaya dipotong ‘yad’ bagi pencuri
- lafaz digunakan **bukan maksud sebenar**
- ‘al yad’ (اليد) apabila ia diertikan maksud yang lain.
- Contohnya firman Allah: ولا تجعل يدك مغلولة الى عنقك ولا تبسطها كل البسط

## 2. Musytarak المشترك

- Perkataan **maksud lebih dari satu**.
- Contoh: perkataan ‘al qar’ (القرء).
- Kaedahnya: **melihat** factor luaran yang menyokong salah-satu dari maknanya ***(qarinah)***

## 3. Mantuq المنطوق dan Mafhum المفهوم

- Mantuq: Setiap apa yang di dalam lafaz (teks) diucapkan
- setiap maksud yang difahami dari teks

### Pembahagian Mafhum:

1. Mafhum muwafaqah مفهوم الموافقة
   1. *Fahwa al khitab (فحوى الخطاب).*
   2. *Lahn al khitab (لحن الخطاب).*
2. *Mafhum mukhalafah (مفهوم المخالفة).*

# PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT KEJELASAN DAN KESAMARANNYA

## An Nas ( النص ) 01

- Teks jelas maksud dan tidak boleh ditakwilkan
- Contoh: ayat قل هو الله احد secara jelas menunjukkan tentang keesaan Allah.

## *Al-zhahir* ( الظاهر ) 02

- Teks jelas maksud dan boleh ditakwilkan
- Contoh: Hadis لا صيام لمن لم يبيت الصيام من الليل "Tiada puasa bagi mereka yang tidak berniat di waktu malam"
- Secara zahir niat waktu malam syarat sah bagi puasa tetapi boleh takwil syarat kesempurnaan puasa

## Al Mujmal (المجمل ) 03

- Teks yang memerlukan qarinah untuk faham maknanya
- Contohn ayat: وءاتوا حقه يوم حصاده "Keluarkanlah haknya (zakat) sewaktu menuainya"
- Walaupun zakat tanaman diwajibkan melalui ayat ini tetapi tidak diketahui kadar dan jenisnya.

# PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT PERKHABARAN ATAU PENGARAHAN

## Khabar (الخبر) iaitu teks perkhabaran.

- mengandungi hukum ‘al wad’ie’ الوضعي seperti sah, batal dan lain-lain.

## Insya’ (الإنشاء) iaitu teks pengarahan.

- mengandungi hukum-hukum ‘taklifi’

# PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT PERKHABARAN ATAU PENGARAHAN

## Mutlaq المطلق dan muqayyad المقيد

- perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu perkara atau beberapa perkara secara menyeluruh dan tidak disertakan dengan mana-mana sifat
- **Contoh** mutlaq seperti firman Allah berkaitan kaffarah zihar;
- فتحرير رقبة من قبل ان يتماسا
- "Hendaklah memerdekakan hamba sebelum keduanya (suami isteri) bersetubuh"
- Perkataan 'hamba' di dalam ayat ini dinamakan mutlaq kerana tanpa menyebut sifat-sifatnya samada mukmin atau kafir.
- sebaliknya iaitu yang disertakan dengan mana-mana sifat.
- Contoh muqayyad pula seperti firman Allah berkaitan dengan kaffarah pembunuhan yang tidak sengaja:
- ومن قتل مؤمنا خطئا فتحرير رقبة مؤمنة
- "Sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka hendaklah dia memerdekakan hamba yang beriman"
- Perkataan 'hamba' di dalam ayat ini pula disertai dengan sifat beriman.

## 'aam' العام (umum) dan 'khas' الخاص (khusus)

'Aam' adalah lafaz yang diperuntukkan bagi menunjukkan beberapa perkara yang banyak tanpa batasan meliputi ke semua maknanya.

'Khas' pula adalah sebaliknya.

Contoh 'aam' seperti ayat;

والسارق والسارقة فاقطعوا ايديهما

"Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan keduanya"

Perkataan 'assariq' dan 'assariqah' itu menunjukkan umum kepada semua pencuri.

# Penutup

- Kertas kerja ini **tidak memadai** mengeluarkan hukum terus dari nas-nas Al Quran dan Sunnah
- Ini **sebahagian perbincangan** berkaitan metodologi pendalilan mengikut Mazhab Imam Syafi'I dalam mengeluarkan hukum.

# Terima Kasih !